

## 'Keputusan daftar masuk MySejahtera dalam seminggu dua'

Oleh [Luqman Arif Abdul Karim](#) - April 14, 2022 @ 5:46pm  
[luqman.arif@bh.com.my](mailto:luqman.arif@bh.com.my)

KUALA LUMPUR: Keputusan sama ada untuk memansuhkan keperluan daftar masuk menggunakan aplikasi MySejahtera akan dimaklumkan dalam tempoh satu hingga dua minggu lagi.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, ketika memperincikan perkara itu berkata, perkembangan semasa fasa peralihan ke endemik di Malaysia menyaksikan pola jangkitan COVID-19 masih berada dalam keadaan terkawal.

Sehubungan itu, katanya, prestasi sedemikian bakal menjadi sandaran oleh Kementerian Kesihatan (KKM) untuk meneliti kemungkinan memansuhkan pengesanan kontak secara mikro, menerusi aplikasi MySejahtera

"Kita sudah melepasi kemuncak gelombang Omicron, justeru KKM sedang memantau dari segi pola jangkitan semasa dalam membuat keputusan sama ada ingin teruskan keperluan mengimbas kod daftar masuk menggunakan MySejahtera.

"Selepas dua minggu fasa peralihan ke endemik, saya berpuas hati dengan pola jangkitan, justeru kita akan pertimbangkan kemungkinan tiada lagi pengesanan secara mikro dan berani untuk lepaskan (mansuhkan keperluan) daftar masuk dalam seminggu dua lagi," katanya pada sidang media, hari ini.

Polemik pengambilalihan aplikasi MySejahtera sehingga mengundang dakwaan kebocoran maklumat peribadi pengguna menyaksikan kadar daftar masuk merosot secara mendadak, iaitu lebih 30 peratus atau sekitar 8.6 juta sejak akhir bulan lalu.

Penurunan mula dicatat sejak 25 Mac lalu, sehari selepas pembentangan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) di Parlimen, sekali gus menyebabkan purata daftar masuk MySejahtera di seluruh negara bagi tempoh tujuh hari berkurang kepada sekitar 19.3 juta pada 11 April lalu, berbanding lebih 27.9 juta pada 25 Mac lalu.

Mengulas kesan itu, Khairy berkata, prosedur operasi standard (SOP) sedia ada dalam fasa peralihan ke endemik masih mewajibkan setiap individu untuk mendaftar masuk menggunakan aplikasi MySejahtera kecuali di tempat terbuka.

Berdasarkan semakan KKM, jelasnya, MySejahtera masih relevan untuk digunakan sebagai kawalan wabak apabila 45 peratus daripada keseluruhan pemakluman kontak kasual didapati positif COVID-19.

"Nak kata sistem pengesanan kontak tidak lagi relevan, saya tidak setuju kerana daripada keseluruhan kontak kasual yang kita hantar, sebanyak 45 peratus didapati dijangkiti COVID-19.

"Justeru, berdasarkan perangkaan ini, aplikasi MySejahtera masih ada nilai sebagai satu alat pengesanan kontak," katanya.